



جابتن قرهوتنن نكري فيرق
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100
: 05-528 8071
: 05-528 8072
: 05-528 8073
: 05-528 8075
Faks : 05-528 8101
Laman Web : www.perakforestry.gov.my



Ruj. Tuan PPN.PK.100/03/64 Jld. 22 (47)
Ruj. Kami : 6 Ramadhan 1446
Tarikh : 7 Mac 2025

SENARAI EDARAN SEPERTIMANA PADA LAMPIRAN 1

Tuan/Puan,

EDARAN PEKELILING PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2025: PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGGUNAAN BAJA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah komited terhadap pematuhan kehendak MC&I (Sustainable Forest Management-SFM) ke arah pencapaian matlamat pengurusan hutan secara berkekalan. Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi petunjuk di bawah MC&I SFM ini, maka pekeliling sepertimana di atas telah disediakan dan perlu digunapakai sepertimana tarikh yang berkuatkuasa.

3. Oleh yang demikian, bersama-sama ini diedarkan sesalinan pekeliling tersebut untuk tuan/puan mengambil tindakan hebahan kepada kakitangan di bawah seliaan dan melaksanakan keperluannya dengan kadar segera.

Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amat dialu-alukan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF)

Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

"PERAK SEJAHTERA 2030"



**EDARAN PEKELILING PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK BILANGAN 1
TAHUN 2025: PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGGUNAAN BAJA**

SENARAI EDARAN:

Timbalan Pengarah Operasi

Timbalan Pengarah Pembangunan

Ketua Penolong Pengarah:

Khidmat Pengurusan & Sumber Manusia, Perancangan & Pengurusan Hutan,
Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Operasi & Penguatkuasaan

Penolong Pengarah:

Penguatkuasaan (Siasatan), Perindustrian & Pengusahasilan,
Hutan Bukan Kayu & Latihan, Ladang Hutan & Inovasi,
Hutan Lipur & Eko-Pelancongan

Pegawai Undang-Undang

Pegawai Hutan Daerah:

Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta/Manjung, Larut & Matang, Perak Selatan

Penolong Jurutera Kanan

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Ketua Pejabat Tapak Semaian:

Pusing, Ulu Piol, Air Ganda, Taiping, Kg. Chang



PEKELILING PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2025

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGGUNAAN BAJA

1.0 TUJUAN

Prosedur Operasi Standard ini berfungsi sebagai bahan rujukan kepada kakitangan jabatan untuk melaksanakan pengurusan dan pengendalian penggunaan baja bagi melindungi kesihatan dan keselamatan kakitangan.

2.0 SKOP

2.1 Prosedur Operasi Standard ini terpakai bagi kerja-kerja pembajaan di bawah seliaan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

3.0 AKTIVITI PEMBAJAAN

3.1 Aktiviti pembajaan adalah bertujuan untuk memulihkan kandungan nutrien dalam tanah yang telah diserap oleh tumbuhan. Pembajaan bergantung kepada jenis, umur tanaman, jenis tanah dan kawasan penanaman.

3.2 Semua maklumat aktiviti pembajaan hendaklah direkodkan bagi tujuan semakan dan pemantauan. Perekodan maklumat menggunakan Borang Rekod Aktiviti Pembajaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak seperti pada **Lampiran 1**.

4.0 PROSEDUR

4.1 Perolehan Baja.

4.1.1 Perolehan baja oleh jabatan hendaklah berdasarkan keperluan yang dicadangkan oleh Penolong Pengarah Perhutanan Negeri (PPPN).

4.1.2 PPPN hendaklah memastikan Helaian Data Keselamatan Bahan (*Material Safety Data Sheet*) diterima bersama-sama bekalan baja semasa serahan perolehan.

4.1.3 Penerimaan perolehan baja perlu direkodkan.

4.2 Pengendalian Baja.

4.2.1 Pengendali aktiviti pembajaan perlu arif dan memahami tentang risiko yang mungkin wujud semasa/ selepas pengendalian baja melalui rujukan dan bahan bacaan.

4.2.2 Penggunaan Peralatan Perlindungan Diri (PPD) seperti pakaian dan peralatan keselamatan yang bersesuaian sepanjang masa sewaktu mengendalikan aktiviti pembajaan.

4.2.3 Pengendali aktiviti pembajaan perlu memastikan tangan sentiasa bersih serta dibasuh menggunakan sabun dan air selepas setiap kali mengendalikan baja.

4.2.4 Pengendali aktiviti pembajaan dilarang untuk menghidu atau merasa bahan baja.

4.3 Kawalan dan Penyimpanan Baja.

4.3.1 Pengawas Hutan (PH) perlu memastikan baja disimpan dalam keadaan baik bagi mengelakkan sebarang tumpahan atau kebocoran.

4.3.2 Penyimpanan baja hendaklah di dalam stor yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Berbumbung, berlabel, bersih, kering dan dialas dengan pallet;
- ii. Terhindar daripada pancaran terus matahari dan hujan;
- iii. Pengudaraan yang baik;
- iv. Mengasingkan baja organik dan bahan kimia; dan
- v. Mengasingkan baja secara fizikal daripada peralatan dan bahan tanaman dan racun makhluk perosak kimia.

- 4.3.3 PH perlu memantau dan memastikan keadaan stor penyimpanan baja bebas dari sebarang kebocoran.
- 4.3.4 Sekiranya terdapat sebarang kebocoran dalam penyimpanan baja, ia perlu dibersihkan dengan segera.
- 4.3.5 Bekas simpanan baja atau beg perlu sentiasa ditutup semasa penyimpanan.
- 4.4 Pelupusan Baja.
 - 4.4.1 Sekiranya terdapat baja yang rosak atau luput tarikh, PH hendaklah melaporkan kepada PPPN untuk tujuan pelupusan.
 - 4.4.2 PPPN perlu membuat pelupusan baja mengikut prosedur pelupusan yang berkaitan.
- 4.5 Kursus/ Latihan.
 - 4.5.1 Kakitangan yang terlibat dengan aktiviti pengendalian dan pembajaan perlu menghadiri kursus/ latihan yang bersesuaian, antaranya:
 - i. Taklimat kaedah pengendalian dan keselamatan penggunaan baja.
 - ii. Kursus penggunaan baja di tapak semaian.
- 4.6 Prosedur Keselamatan.
 - 4.6.1 Terdapat dua (2) pengelasan baja iaitu baja organik dan baja kimia dan kaedah kawalan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Helaian Data Keselamatan Bahan (Material Safety Data Sheet) yang dibekalkan oleh pihak pembekal.
 - 4.6.2 Sekiranya berlaku insiden tumpahan baja, langkah berikut perlu diikuti:
 - a) Kawal tumpahan dan buat pengasingan tumpahan.
 - b) Kejadian tumpahan perlu dilaporkan kepada PH.
 - 4.6.3 Sekiranya berlaku insiden kecemasan akibat daripada bahan pembajaan (kesan sampingan), ke atas pengendali aktiviti pembajaan, PH perlu:

- a) Mendapatkan bantuan perubatan dengan kadar segera.
- b) Melaporkan kepada Penolong Pemelihara Hutan (PPH) atau PPPN.

5.0 RUJUKAN

- 5.1 Buku Penubuhan dan Pengurusan Tapak Semaian Hutan. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2014;
- 5.2 Garis Panduan Penubuhan Ladang Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2017;
- 5.3 Manual Perhutanan (Jilid III), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2003; dan
- 5.4 Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 1 Tahun 2025 Prosedur Operasi Standard Penggunaan Baja, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Prosedur Operasi Standard ini adalah terpakai di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

- 7.1 Prosedur Operasi Standard Penggunaan Baja, Jabatan Perhutanan Negeri Perak ini berkuat kuasa dari tarikh Pekeliling ini ditandatangani.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF)

Pengarah Perhutanan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Bertarikh : 7 MAC 2025

REKOD MEMBAJA DI TAPAK SEMAIAN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

NAMA TAPAK SEMAIAN :

TAHUN :

BULAN :

1.0 MAKLUMAT AKTIVITI PEMBAJAAN

BIL.	TARIKH	JENIS BAJA	KUANTITI (KG)	CATATAN
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				

2.0 MAKLUMAT PENGENDALI AKTIVITI PEMBAJAAN

BIL.	NAMA	JAWATAN	CATATAN
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			